

Newspaper	Berita Harian
Date	29/4/2013

# Hukum hudud PAS makan tuan, pakatan

BH - 29/4/2013

## Ceramah parti semakin suram

**K**etika kami tiba di depan Balai Polis Batu Rakit, Terengganu pada malam Rabu lalu, Presiden PAS, Datuk Seri Hadi Awang sedang berucap. Kebiasaannya, jika lambat menghadiri ceramah PAS, apa lagi oleh Hadi, pengunjung terpaksa meletak kenderaan agak jauh sehingga ada yang terpaksa berjalan sejauh setengah kilometer.

Namun, kami bernasib baik malam itu kerana bukan saja boleh terus memandu melintasi kawasan ceramah dengan mudah, malah selepas berpatah balik, dapat meletak kereta hanya kira-kira 20 meter dari pentas ceramah.

Antara lain Hadi menjelaskan mengenai konsep negara berkeadilan jika PAS diberi peluang mentadbir semula Terengganu pada pilihan raya umum kali ini. Beliau juga menegaskan, PAS tidak akan memaksa DAP untuk menerima pelaksanaan hukum hudud.

"Dalam perkara yang bersama, kita bersatu. Dalam perkara yang berbeza kita tidak berkelahi. Timbul masalah PAS melaksanakan hukum hudud, DAP tidak setuju tetapi tidak menentang," katanya.

Hadi berkata, apa yang penting ialah PAS perlu menang bersama sekutunya PKR dan DAP dulu sebelum melaksanakan aspirasi parti itu secara berperingkat.

"Jangan bimbang kalau pakatan rakyat menang, Perdana Menteri (tetap) orang Islam. Kalau orang takut saya jadi PM tak apa, saya (turun) ke laut pun tak apa. Saya (boleh) jadi wakil rakyat pantau PM sama ada dia buat betul ke tidak," katanya.

### Ceramah Hadi hambar

Satu lagi kelainan ketara pada ceramah PAS sepanjang setengah jam kami mendengarnya ialah ketiadaan tepukan atau laungan takbir walaupun ada ketikanya Hadi meninggikan suara untuk menguatkan hujah beliau.

Dua pengunjung di sebelah kami yang saya percaya bukan penyokong tegar PAS memberitahu, sambutan sedemikian terhadap ceramah PAS, termasuk yang dihadiri oleh Hadi sejak kempen PRU-13 berada 'di gear 5' agak di luar kebiasaan.

Kami menganggarkan tidak lebih 500 orang, termasuk yang berdiri di tepi jalan hadir malam itu. Rakan wartawan yang membuat liputan ceramah Hadi di Besut sebelum itu, menganggarkan tidak sampai 1,000 orang hadir di sana.

Kepada mereka yang mengikuti perkembangan politik PAS, kehadiran seramai itu di ceramah Hadi, presiden parti yang terkenal dengan kepetahannya berpidato dan menarik ribuan pengunjung sebelum ini, ia agak mengejutkan.

Anehnya, satu ceramah anjuran Barisan Nasional (BN) di Pangkalan Berangan dalam kawasan Parlimen Marang, yang dianggap kubu kuat Hadi, pada malam Selasa lalu, menarik kehadiran kira-kira 2,000 orang. Penceramahannya, seorang guru pondok dari Kelantan, Abdullah Saamah, yang berucap

mengenai 'tujuh dosa besar PAS'.

Walaupun perkembangan di luar kebiasaan ini tidak boleh dijadikan ukuran kekuatan sebenar PAS di negeri majoriti pengundi Melayu seperti Terengganu, Kelantan dan Kedah pada pilihan raya umum kali ini, anggapan umum bahawa ceramah Hadi tidak lagi segarang dulu apalagi mengenai negara Islam dan pelaksanaan hudud, mungkin ada kebenarannya.

Nampaknya PAS yang menjadikan Islam sebagai tarikan dalam kalangan pengundi Melayu di negeri berkenaan, terperangkap oleh sandiwaranya sendiri apabila bekerjasama dengan DAP dan PKR untuk menumbangkan BN. Lebih menarik lagi, isu hudud dan negara Islam yang terpaksa dihidupkan semula oleh PAS bagi mengekalkan sokongan pengundi Melayu/Islam, turut memerangkap sekutunya - DAP dan PKR.

### 'Perbalahan' terbuka

Minggu lalu, Timbalan Mursyidul Am PAS, Datuk Dr Haron Din menegaskan parti itu akan melaksanakan hukum hudud PAS sekiranya berjaya memenangi Putrajaya serta sanggup keluar daripada pakatan pembangkang jika ditentang DAP.

Kenyataan itu disanggah Pengerusi DAP, Karpal Singh yang berkata, DAP tetap menentang pembentukan negara Islam yang mengamalkan undang-undang hudud. Tidak cukup dengan itu, Karpal mendesak Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyatakan pendiriannya berhubung isu berkenaan.

Memberitahu sidang media di Pulau Pinang Jumaat lalu, Karpal mengaku hasrat PAS melaksanakan hudud dan konsep negara Islam menjejaskan persefahaman sesama mereka. Oleh itu, katanya, Anwar perlu menyatakan pendiriannya.

"Saya fikir rakyat mahu mendengarnya. (Penasihat DAP) Lim Kit Siang dan (Setiausaha Agung DAP) (Lim) Guan Eng telah menyatakan pendirian parti, mereka tidak sokong hudud, mereka tidak sokong negara Islam," katanya.

Walaupun ramai melihat 'perbalahan' terbuka antara pemimpin parti pembangkang mengenai pelaksanaan hudud PAS ini hanyalah gimik atau sandiwaranya politik bagi meraih sokongan penyokong masing-masing, hakikat ia berlaku hanya seminggu sebelum hari mengundi, mungkin memberi kesan berbeza.

Jelas, PAS sudah pun menerima kesannya apabila ceramah mereka di Terengganu dan Kelantan semakin kurang mendapat sambutan. Tidak mustahil DAP juga terkena tempiasnya walaupun tidak seteruk PAS. Jika tidak, masakan Karpal cuba menjerat Anwar yang selama ini cuba mengelak daripada terjebak dalam isu hudud PAS dan negara Islam, supaya menyatakan pendirian.

E-mel ke  
bhrencana@mediaprima.com.my  
untuk berkongsi pendapat anda